

Pemimpin BN berikrar jayakan kongsi kuasa

UM 21 ^{Diaj} SEP 2003 LAUPA JUNUS

KUALA LUMPUR 20 Sept. — Tiga pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) hari ini sepakat berikrar untuk terus memainkan peranan menjayakan konsep perkongsian kuasa yang membawa kejayaan kepada rakyat Malaysia.

Mereka berpendapat, mewujudkan kerjasama antara kaum yang diasaskan oleh pemimpin dan membuat keputusan menepati perundingan merupakan rahsia kejayaan gabungan 14 parti komponen itu.

Presiden MCA, **Datuk Seri Ong Ka Ting** mahu parti-parti komponen BN memperkukuhkan perpaduan dan kekuatan bagi menggagalkan sebarang usaha pembangkang yang diketuai Pas.

Beliau yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkata, Pas cuba membentuk sebuah negara yang mengetepikan nilai-nilai kepelbagaian dalam masyarakat Malaysia sedangkan nilai tersebut menjadi asas kepada perpaduan dan kestabilan negara.

“Saya ingin mengingatkan generasi muda Malaysia supaya benar-benar sedar dan memahami konsep perkongsian kuasa serta mempertahankan formula yang menjadi kunci kejayaan negara berbilang kaum ini,” katanya ketika berucap mewakili masyarakat Cina pada Perayaan Ulang Tahun Ke-50 Kecemerlangan Kongsi Kuasa di Stadium Merdeka di sini, hari ini.

Presiden MIC, **Datuk Seri S. Samy Vellu** berkata, konsep kerjasama itu perlu dipertahankan kerana berjaya mewujudkan perasaan kekitaan, perpaduan, saling hormat-menghormati di antara parti-parti komponen dan rakyat Malaysia.

“Model Barisan Nasional adalah sangat unik dan mungkin kita tidak dapat melihat model ini di mana-mana negara pun,” katanya dalam ucapan mewakili masyarakat India.

Sambut baik

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya turut memuji UMNO yang membuat perancangan mengadakan pakatan kerjasama dengan MCA pada 1952 bagi menghadapi pilihan raya Perbandaran Kuala Lumpur yang membuka tirai kepada perkongsian bijak tersebut.

“Perkongsian bijak ini diteruskan dengan kemasukan MIC yang mewakili masyarakat India pada pilihan raya umum pertama 1955,” katanya.

Presiden Parti Pesaka Bumiputra Bersatu (PBB), **Tan Sri Abdul Taib Mahmud** berkata, rakyat Sabah dan Sarawak menyambut baik pungutan suara yang dilaksanakan menerusi Suruhanjaya Cobbold kerana menyedari mereka akan merdeka dalam Malaysia yang membawa banyak kebaikan.

Beliau yang juga Ketua Menteri Sarawak dan berucap mewakili penduduk Sabah dan Sarawak berkata, kemasukan Sabah dan Sarawak dalam Malaysia merupakan langkah tepat dalam proses mempercepatkan pembangunan kedua-dua negeri berkenaan.

Pada hari ini katanya, banyak perubahan telah dialami dengan struktur ekonomi yang kukuh dan melahirkan ramai usahawan.

Dalam ucapannya beliau turut melahirkan harapan bahawa Timbalan Perdana Menteri, **Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi** yang akan menggantikan Perdana Menteri, **Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad** akan meneruskan kecemerlangan Malaysia sehingga mencapai Wawasan 2020.